

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK NOOR EHSANUDDIN
BIN MOHD HARUN NARRASHID
(KOTA TINGGI)**

**TARIKH : 19.11.2014
(RABU)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan jangka panjang untuk memastikan kebajikan balu dan waris anggota keselamatan kita yang terkorban di Lahad Datu tidak terabai dan mendapat perhatian sewajarnya daripada pihak yang bertanggungjawab.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah anggota tentera yang terkorban di Lahad Datu semasa Operasi DAULAT (11 Feb 2013 sehingga 24 Mac 2013) adalah seramai 2 orang iaitu Allahyarham 1163461 Kpl Ahmad Hurairah bin Ismail dan 1168039 Kpl Ahmad Farhan bin Ruslan. Kedua-dua anggota telah meninggal dunia pada 12 Mac 2013 dan mereka masih bujang ketika meninggal dunia. Kementerian Pertahanan telah melaksanakan bayaran Faedah Kematian di bawah Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-Faedah Lain) 1982 dan bayaran-bayaran lain seperti Caruman Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara (TAPPN) dan Insurans Kelompok (Koperasi Tentera) kepada tanggungan kedua-dua mereka.

Kementerian sentiasa memastikan kebajikan waris kedua-dua Allahyarham tersebut tidak terabai dan mendapat perhatian sewajarnya. Kedua-dua Allahyarham tersebut sedang menerima bayaran pencen bulanan sebanyak RM1,589.43 sebulan dan mereka juga akan menerima penyelarasan pencen sebanyak dua peratus setiap tahun. Pembayaran pencen ini akan berterusan seumur hidup tanggungan kedua-dua anggota tersebut.